

20 JUL 1999

Mahathir-Wanita

PEMIMPIN PAS TIDAK PENYAYANG, PENTING DIRI SENDIRI -- MAHATHIR

ALOR SETAR, 20 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata dasar kerajaan Pas di Kelantan yang tidak mahu mengambil perempuan cantik bekerja mencerminkan sikap dan pemikiran pemimpin parti itu yang tidak penyayang dan mementingkan diri sendiri.

Perdana Menteri berkata kenyataan Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat bahawa beliau tidak menggalakkan pengambilan wanita rupawan untuk bekerja dengan kerajaan negeri itu menunjukkan sikap diskriminasi terhadap golongan itu.

"Itu bukan salah perempuan cantik, dia cantik Tuhan yang kurniakan, dia cantik kita nak aniaya pasal apa?, Bukan salah dia," katanya ketika diminta mengulas kenyataan itu, pada akhir lawatan dua harinya ke sini.

"Kalau tak mahu tengok (perempuan cantik), tengok ke bawah (tunduk). Setengah orang warak dia tidak pandang orang. Kerja sudahlah, tak payah tengok muka jika ia menimbulkan perasaan tak tentu arah..." katanya pada persidangan media di lapangan terbang Sultan Abdul Halim di sini sebelum berlepas pulang ke ibu negara.

Dr Mahathir berkata ini menunjukkan pemimpin Pas tidak bersikap penyayang dan apa yang mereka fikirkan ialah mengenai diri mereka sendiri, kepuasan hati mereka, kelesaaan mereka dan kepentingan mereka sendiri.

"Mereka tidak memikirkan tentang kepentingan rakyat, mereka tidak memikirkan tentang kepentingan golongan wanita dan mereka tidak memikirkan tentang kepentingan wanita yang dijadikan cantik," katanya.

"Mereka adalah golongan yang mementingkan diri sendiri dan orang seperti itu tidak mampu berfikir, kita perlu mempunyai orang yang bersikap adil kepada semua," katanya.

Dr Mahathir berkata, dengan mendakwa beliau berlaku adil kepada mereka yang kurang cantik, Nik Aziz berlaku tidak adil kepada yang cantik. Demikian juga apabila Nik Aziz mendakwa beliau berlaku adil kepada mereka yang miskin dengan alasan semua orang miskin akan masuk syurga dan tidak adil kepada yang kaya yang didakwa akan masuk neraka.

"Bagaimana beliau tahu?" tanya Dr Mahathir.

Dr Mahathir berkata inilah corak pemikiran yang ada pada pemimpin Pas yang meyakinkan beliau bahawa mereka tidak layak menjadi pemimpin.

Apabila ditanya tentang hasil lawatan dua harinya ke negeri ini, Dr Mahathir yang juga Presiden Umno berkata parti itu di negeri ini sudah bersiap sedia untuk menghadapi pilihan raya.

"Mereka bersedia menghadapi sebarang cabaran dan akan memberi penjelasan yang cukup untuk menghancurkan cara Pas melempar fitnah," katanya.

Apabila ditanya tentang dakwaan Pas bahawa parti itu yakin menang di beberapa negeri, beliau berkata itu "cerita lama" dan ia memang taktik parti itu setiap kali pilihan raya sejak tahun 1955 lagi.

"Setiap kali pilihan raya dia kata boleh menang di beberapa negeri, malah boleh mentadbir negara. Tapi selepas pilihan raya kenyataannya tidak seperti yang didakwa.

"Dan kali ini juga untuk menyedapkan hati mereka dan mungkin juga untuk mempengaruhi pengundi supaya percaya Pas akan menang dan mereka akan undi Pas," katanya.

"Ini cerita lama. Tiap kali pilihan raya, cuba buka akhbar sejak tahun 1955, 1959, 1964, 1969, 1975, dan seterusnya, ceritanya sama saja -- PAS akan menang dan tawan beberapa buah atau Pas akan menang dan mentadbir

negara," katanya.

Mengenai dakwaan Pas bahawa Umno kini sudah tidak kuat kerana berpecah, Dr Mahathir berkata: "Tunggu pilihan raya, kita tengok. Kita tak mahu cakap besar...kita tak boleh takbur kata Umno boleh menang, Kita kata insy-Allah Umno akan menang."

Apabila ditanya sejauh mana isu Datuk Seri Anwar Ibrahim menjejaskan kekuatan Umno di negeri ini, beliau berkata: "Anwar bukan suatu isu di sini, tidak sama-sekali di Kedah.

"Tetapi saya masih perlu membuat sedikit penjelasan, itu tugas biasa saya," katanya.

Ditanya mengapa nada ucapannya semasa lawatan ke sini seperti merayu bunyinya, beliau berkata kerajaan tidak mahu memaksa, menghasut dan mempengaruhi orang ramai tetapi sekadar meminta secara ikhlas jangan terpengaruh oleh hasutan pembangkang.

"Kadang-kadang ada orang terbawa-bawa oleh emosi dan tidak mahu menerima kenyataan. Dia tetap kata hitam walaupun kita kata putih dan kepada orang seperti inilah kita merayu," katanya.

Ketika diminta mengulas tentang kenyataan Timbalan Presiden Pas Haji Abdul Hadi Awang bahawa DAP akan diperuntukkan 30 kerusi sedangkan sebelum ini DAP mahukan 48 kerusi, beliau berkata itu urusan mereka.

"Tetapi saya percaya mereka akan berperang sesama sendiri," katanya.

Parti Keadilan nampaknya sudah kecewa di Pahang kerana PAS hendak membolot semua kerusi kecuali yang mereka tidak mungkin menang diberi kepada Keadilan, kata Perdana Menteri.

"Keadilan terima seredak sahaja (sisa-sisa makanan) kerana tiada apa-apa kekuatan. Dia tidak ada dasar perjuangan apa-apa, nama saja perjuangan keadilan, tapi perjuangan peribadi.

"Adakah kita hendak gadai negara kita kerana masalah seseorang yang bawa malapetaka kepada dirinya," tanya beliau.

-- BERNAMA

TM ZKS NMO